

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti contoh kata-kata pujian yang boleh mendorong semangat belajar dan meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar sekolah rendah di Daerah Serian. Sebanyak lapan informan telah dipilih sebagai sampel kajian. Kaedah penyelidikan yang digunakan adalah teknik kualitatif dan berbentuk deskriptif. Method kajian yang digunakan adalah melalui pemerhatian, temubual dan catatan peribadi sebagai suatu teknik untuk pemungutan data. Manakala analisis data adalah menggunakan analisis data kualitatif yang menggunakan analisis kandungan. Dapatan kajian menunjukkan tujuh informan menyatakan bahawa kata-kata pujian yang mereka terima boleh mendorong semangat untuk belajar lebih gigih dan bersemangat. Manakala hanya seorang informan sahaja yang menyatakan bahawa kata-kata pujian yang diterimanya tidak boleh memberi sebarang dorongan dan kesan terhadap semangat belajar. Dapatan kajian juga telah mengenalpasti sebelas contoh kata-kata pujian yang boleh memberi kesan dan sembilan jenis kesan yang boleh didapati terhadap pelajar-pelajar sekolah rendah di Daerah Serian. Kesebelas contoh kata-kata pujian yang boleh memberi kesan tersebut adalah kata-kata seperti “pintar”, “pandai”, “berkebolehan”, “giat dan tekun”, “cemerlang”, “taat dan salih”, “taat sembahyang”, “pandai membaca Al Quran”, “mampu bersaing”, “memuaskan hati orang tua”, dan “aktif dan lasak”. Manakala sembilan jenis kesan kata-kata pujian tersebut adalah seperti “perasaan suka atau bangga”, “perasaan gembira”, “senyum dan terharu”, “semangat belajar bertambah-tambah”, “semangat belajar

berkobar-kobar”, “bertambah yakin dengan diri sendiri”, “bertambah giat dan gigih mengulangkaji”, “fikiran sentiasa ingat dengan pelajaran”, dan “bersemangat hendak mengulangkaji”. Dapatan kajian diharapkan dapat menyumbang kepada bidang akademik, pengajaran, motivasi dan pembangunan sumber manusia dalam merancang sesuatu program pada masa akan datang. Diharapkan kajian seterusnya dapat dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai kaedah pendekatan terutama dalam pemungutan data. Di samping itu, kajian selanjutnya juga boleh dilakukan dengan memperluas skop kajian, misalnya bilangan informan perlu diperbanyak dan diperluas serta teknik yang digunakan dengan menggabungkan teknik kualitatif dan kuantitatif.

ABSTRACT

The objective of this research is to identify the examples of words of praises that would inculcate the spirit of learning and improve the academic performances of primary school students in Serian District. Eight respondents have been selected as research samples. Research method is more of qualitative in nature and data collections were made through observation, interviews and personal descriptions. Data analysis was made by means of content analysis. Research finding show seven of the respondents believe that words of praises could influence positively the spirit of learning. Meanwhile the other respondent believed otherwise. Research output has identified eleven examples of the words of praises that could influence academic performances and nine types of influences on primary school students in Serian District. The eleven words of praises were genius, bright, able, hardworking, excellence, obedience and pious, ferventive, able to recite the Quran, competitive, satisfying their parents, active and perseverance. The nine types of influences were the feeling of happiness, feeling excited, smiling and contending, improve the spirit of learning, the spirit of learning is exemplary, improved self-confidence, improved self-revisions, the feeling of always thinking of education, and motivated to study. The findings of this research contribute to the academic, teaching, motivation and the human resource development for future planning. It is hoped that future research would engage in other approaches especially in data collection. Future studies should also expand the scope of study to include more respondents as well as the use of both qualitative and quantitative techniques.